

“TANGGUNGJAWAB PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR”
(3 OGOS 2018 / 21 Zulkaedah 1439)

الْحَمْدُ لِلَّهِ خَالِقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، مُدَبِّرِ الْأَمْرِ الْحَكِيمِ الْعَلِيمِ، خَلَقَ الْإِنْسَانَ وَاخْتَارَهُ
لِيَكُونَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ، وَسَخَّرَ لَهُ جَمِيعَ مَخْلُوقَاتِهِ، وَحَثَّهُ عَلَى الْإِعْتِنَاءِ بِبَيْتِهِ، وَأَشْهَدُ
أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ، خَاتَمُ النَّبِيِّينَ،
الْمَبْعُوثُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ، شَمَلَتْ رَحْمَتُهُ جَمِيعَ الْمَخْلُوقَاتِ، حَتَّى الْحَيَوَانَ وَالنَّبَاتِ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحَابَتِهِ الطَّيِّبِينَ الطَّاهِرِينَ
وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ. اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.
قال الله تعالى في مُحْكَم آياته:

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُونَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi
sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah ﷻ dengan
bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala
larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan
di akhirat. Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan berkenaan:
“Tanggungjawab Pemeliharaan Alam Sekitar”.

SIDANG JUMAAH YANG DIMULIAKAN,

Alam sekitar adalah anugerah Allah ﷻ yang amat bernilai kepada kesejahteraan hidup manusia. Allah ﷻ telah mencipta alam ini dengan amat sempurna dan seimbang untuk manfaat dan kemakmuran manusia sebagai khalifah di bumi ini. Bumi yang luas dijadikan tempat tinggal manusia, gunung-ganang sebagai pasak bumi, tumbuh-tumbuhan sebagai sumber makanan dan ubatan kepada kehidupan, hujan sebagai sumber rezeki, demikian juga dengan pelbagai jenis haiwan dan hidupan di lautan yang dijadikan untuk kemudahan hidup manusia. Hal ini seperti yang dijelaskan Allah ﷻ melalui firman-Nya dalam Surah Ibrahim, ayat 32 dan 33:

﴿اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْأَنْهَارَ ﴿٣٢﴾
 وَسَخَّرَ لَكُمُ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ دَائِبِينَ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمْ الَّيْلَ وَالنَّهَارَ ﴿٣٣﴾﴾

Bermaksud : “Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan sebagai rezeki bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintah-Nya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu. Dan Ia yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kemudahan kamu, dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu.”

Oleh itu, Islam telah memberikan satu penekanan yang serius mengenai penjagaan alam sekitar dengan seruan mengekalkan pemeliharaannya sebagai satu kurniaan atau nikmat Allah ﷻ yang agung. Keseimbangan alam sekitar dan ekosistem memberi kesan ketara kepada keharmonian dan kesejahteraan hidup dan ianya mestilah selari dengan kemajuan negara serta kemakmuran yang dikecapi.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Namun, persoalan yang timbul ialah sejauh mana kita merasa bertanggungjawab memelihara alam sekitar ini. Tabiat seperti membuang sampah merata-rata, membuang sisa buangan secara terus ke laut dan sungai, melepaskan asap kilang tanpa tapisan, mencero boh hutan secara berleluasa, menjalankan aktiviti pembangunan secara tidak terkawal, melakukan pembakaran secara terbuka dan pelbagai aktiviti seumpamanya akan memberi kesan jangka masa panjang kepada alam sekitar seperti peningkatan suhu bumi, pencemaran sumber air, pencemaran udara, banjir besar, tanah runtuh, pembakaran hutan, kepupusan flora dan fauna dan perubahan cuaca tidak menentu yang pasti menjejaskan kehidupan manusia.

Pelbagai bencana dan kerosakan alam sekitar yang berlaku di seluruh dunia adalah di sebabkan oleh kerakusan dan kecuaiian manusia itu sendiri. Sebagaimana yang diperingatkan oleh Allah ﷻ dalam surah al-Rum ayat 41:

﴿ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ
يَرْجِعُونَ﴾

Maksudnya: “Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)”.

Antara kepentingan utama menjaga alam sekitar adalah pemeliharaan sumber air. Sekalipun air meliputi **70%** daripada bumi, namun **2.5%** sahaja daripadanya merupakan air tawar dan hanya **1%** adalah air tawar yang berada dalam bentuk yang mudah diperoleh. Adalah amat membimbangkan apabila

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan, 2.1 bilion penduduk di seluruh dunia kurang akses kepada keperluan air selamat, tiada bekalan air di rumah manakala pengurusan sanitasi untuk 4.5 bilion penduduk lagi tidak diurus dengan baik. Daripada 2.1 bilion orang yang tidak mempunyai akses bekalan air selamat tersebut, terdapat seramai 844 juta orang langsung tidak memperoleh bekalan asas air minuman.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Sesungguhnya hubungan manusia dan alam sekitar sememangnya rapat, malah kedua-duanya saling memerlukan. Sekiranya satu musnah, maka sengsaralah pihak yang satu lagi. Maka tidak hairan apabila Islam begitu menitikberatkan tanggungjawab makhluk bernama manusia untuk mengekalkan keharmonian dunia dan menjaga segala isi alam anugerah Pencipta. Kita Bukan sahaja perlu memelihara amanah besar tersebut, bahkan kita juga perlu bertindak bijak dalam mengatur penggunaan hasil bumi secara lestari demi memastikan generasi seterusnya tidak terbeban dengan sifat tamak dan kerakusan sesetengah pihak tidak bertanggungjawab.

Seiring dengan konsep khalifah yang diberi amanah untuk mengurus dan mentadbir bumi ini dengan sebaik-baiknya dan akan dipersoalkan kelak atas tanggungjawab tersebut. Sabda Rasulullah ﷺ:

"إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ خَضْرَاءُ وَإِنَّ اللَّهَ مُسْتَخْلَفُكُمْ فِيهَا فَيَنْظُرُ كَيْفَ تَعْمَلُونَ"

"Dunia ini hijau dan cantik dan Tuhan telah melantik kamu sebagai pengurusnya. Dia melihat apa yang kamu lakukan."

(Riwayat Muslim).

Pelaksanaan amalan teknologi hijau pada masa ini seperti mengurangkan penggunaan tenaga, menjimatkan elektrik, mengurangkan penggunaan plastik dan sebagainya dilihat sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengekalkan keseimbangan dan keharmonian alam sekitar, seterusnya memastikan manusia dapat menunaikan tanggungjawab secara langsung terhadap ciptaan Allah ﷻ tersebut. Umat Islam perlu sentiasa berusaha meningkatkan usaha menjaga dan memulihara alam sekitar serta memastikan corak pengurusan kehidupan yang mampan berhubung isu alam semula jadi, sekali gus menyumbang ke arah kesejahteraan planet ini untuk diwarisi generasi masa kini dan generasi akan datang.

SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH,

Bumi ini bukanlah hak milik manusia untuk berbuat sesuka hati tetapi ia adalah hak milik Allah ﷻ yang dipinjamkan kepada manusia untuk berkongsi hidup dengan makhluk-makhluk yang lain yang kemudiannya dituntut untuk menjalankan segala perintah Allah ﷻ di atasnya. Berdasarkan sifat rahmat yang dibawa oleh Rasulullah ﷺ adalah untuk sekalian alam (رحمة للعالمين) yang meliputi manusia, haiwan dan alam seluruhnya, maka apa sahaja makhluk di alam ini wajib diberi hak kehidupan dan dipelihara dengan sebaik-baiknya.

Namun begitu, apa yang lebih penting adalah langkah penjagaan alam sekitar yang bermula daripada diri sendiri, keluarga, seterusnya komuniti setempat dengan bersama-sama mengamalkan gaya hidup bersih, tidak membuang sampah merata-rata, tidak membazir, tidak melakukan pembakaran terbuka yang akan mencemarkan udara dan meningkatkan suhu bumi dan seumpamanya lagi demi kelestarian alam sekitar dan kelangsungan hidup yang sejahtera. Pelbagai kempen

pendidikan dan kesedaran alam sekitar yang diusahakan oleh pihak bertanggungjawab tidak akan berjaya jika tahap kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar masih pada tahap rendah dan mengecewakan.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati intipati khutbah sebagai pedoman hidup, antaranya:

Pertama: Allah ﷻ telah mencipta alam ini dengan amat sempurna dan seimbang untuk kemakmuran manusia sebagai khalifah di bumi ini.

Kedua: Manusia bertanggungjawab memakmurkan bumi dan memelihara alam sekitar dengan sebaik-sebaiknya.

Ketiga: Islam melarang sebarang bentuk perlakuan kerosakan di atas muka bumi, sama ada kerosakan jiwa, harta benda mahupun alam sekitar

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْخَلْقَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَبْلُوكُمْ فِي مَا

ءَاتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

Maksudnya: “Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(Surah Al-An'am, ayat : 165)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا
بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ
الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَاحِبِ الْعُرَرِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَذَرِ.
وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ
اللَّهُ تَعَالَى وَمَلَأَ قَائِلًا عَلَيْهِمَا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ

ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا
بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ ابْنِ أَبِي
طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ
الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالمُسْلِمَاتِ وَالمُؤْمِنِينَ وَالمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ،
وَأَلْفِ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَانصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ انصُرْ سَلَاطِينَ
المُسْلِمِينَ وَأَيِّدْهُمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ المُوَحِّدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ العِزَّةَ
وَالتَّمَكِينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الفُؤَاحِشَ مَا
ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَيَّ عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيْعَتِكَ
مَلِكِنَا؛

كباوه دولي يغب مها موليا سري قادوك بكيندا يغب دقرتوان أكوغ كلما بلس

سلطان محمد كلما وعلى كل قرابته أجمعين

أصلح الله ملكه وإحسانه وفيض له عدله وبلغه من الخير ما شاءه. اللهم أديم
الشرع الشريف له ولوزرائه سبيلاً ومنهاجاً. وارزقهم التوفيق لكل خير
واجعلهم سراجاً وهّاجاً. اللهم اجعل ماليزيا وسائر بلاد المسلمين طيبة آمنة
مطمئنة رحيّة. اللهم سلّم بلادنا من المفسدين وطهرها من المتطرفين ووقفنا
جميعاً لطاعتك وطاعة رسّولك محمد صلى الله عليه وسلّم وطاعة من أمرتنا
بطاعته.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾
﴿ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ عَ يَعْظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.